



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



SPM/SKM/SIJIL PERDAGANGAN MALAYSIA (KUMPULAN PELAKSANA)

» PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (JPA) DAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)
(SABAH & SARAWAK)

Kekosongan : 35 Simpanan : 200

Syarat Kelayakan :

- i - Memiliki dua (2) subjek Kepujian (termasuk subjek Bahasa Melayu dan salah satu subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan) dan empat (4) subjek Lulus dalam SPM; atau
- ii - Memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dalam SPM dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- iii - Memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dalam SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 atau Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Calon-calon juga adalah dimohon untuk **mengemaskini pusat temu duga** yang terkini. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **21 Jun 2020 (Ahad) jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA

<http://www.spa.gov.my>

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pembantu-tadbir-kewangan-gred-w19>